

# JURNAL FUADUNA

Jurnal Kajian Keagamaan dan  
Kemasyarakatan

Vol. 1 No. 2 Juli - Desember 2017



## POLA MATEMATIKA PADA SURAT AL FALAQ DAN ANNAAS

Aniswita, Gema Hista Medika

## ULAMA DAN KARYA TULIS: DISKURSUS KEISLAMAN DI MINANGKABAU AWAL ABAD 20

Apria Putra

## KISAH BATU DALAM TEKS HADIS SEBAGAI MATERI PENDIDIKAN AKHLAK ANAK

Salmah, Desri Nengsih

## NILAI-NILAI ISLAM DALAM BUDAYA DAN KEARIFAN LOKAL

(Konteks Budaya Minangkabau)

Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria,  
Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali Bin Runun Abdullah dan Mohd. Shairawi Mohd. Noor

النماذج المفروضية اللغوية في اللغة العربية واستخدامها بالأيات القرآنية

Oktarina Yusra

## PROFESIONALISME DAKWAH DALAM PEMBERDAYAAN MASYARAKAT

Tomi Hendra

## KATA PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA MINANGKABAU

Zikrawahyuni Maiza



<http://ejournal.iainbukittinggi.ac.id/index.php/fuaduna>  
Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah  
IAIN Bukittinggi



## KATA PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA MINANGKABAU

**Zikrawahyuni Maiza, SS, MIS**

*Pendidikan Bahasa Arab, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Kependidikan  
[zikramaiza@gmail.com](mailto:zikramaiza@gmail.com)*

*Diterima: 20 Agustus 2017*

*Direvisi :10 Oktober 2017*

*Diterbitkan:10 Desember 2017*

### ABSTRACT

*Minangkabau language is one of the influenced languages of the South East Asian region, which are subject to influence and characterization by influencing languages that are the medium of dissemination of cultures and beliefs. Of the influential languages is Arabic, the medium of dissemination of Islam. As Minangkabau people embrace Islam, they also embrace and get familiar with Arabic, and adopt Arabic words according to the norms of Minangkabau language. Thus, this research is intended to identify loan words in Minangkabau language that can be traced back to the Arabic language, and analyze the changes made to the words. The loanwords are compared to the original words of the Arabic language to identify the changes and analyze the meanings, forms, and phoneme. This research is library research that comprises data collection and analysis methods. The samples for this research are the loan words taken from Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia. Besides, al-Mujam al-Wasit is used to trace the original meanings in the Arabic language whereas Kamus Kontemporer Arab Indonesia is significant to identify the translated meanings in the Indonesian language. This research shows that there is an interaction between the Arabians and the people of Minangkabau, leaving a positive effect in enriching Minangkabau language with Arabic loan words. The loanwords can be classified: as loanword with sustained meanings and loan words with changed meanings according to word-meaning relation; as loan words with sustained form and loan words with the changed form according to alphabetical form; as loan words with sustained pronunciation and loan words with changed pronunciation according to pronunciation aspect. However, most Arabic loanwords in Minangkabau language retain meaning originality and word form but there are few loan words are subject to changes in meaning and form.*

**Keywords:** *loan words, Arabic language, Minangkabau language, semantics (meanings)*

### ABSTRAK

Bahasa Minangkabau merupakan salah satu bahasa yang menerima pengaruh di rantau Asia Tenggara yang terdedah kepada pengaruh dan pencorakan oleh bahasa-bahasa berpengaruh yang merupakan medium penyebaran pelbagai kebudayaan dan kepercayaan. Antara bahasa yang berpengaruh itu ialah bahasa Arab yang merupakan medium penyebaran agama Islam. Semasa orang Minangkabau memeluk agama Islam, mereka juga memeluk bahasa Arab dan membiasakan diri dengannya serta mengadaptasi perkataan Arab itu mengikut norma-norma bahasa Minangkabau. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkataan pinjaman dalam bahasa Minangkabau yang boleh dikaitkan asal usulnya dengan bahasa Arab, seterusnya menganalisis perubahan terhadap perkataan tersebut. Perkataan pinjaman tersebut seterusnya dibandingkan dengan perkataan asalnya dalam bahasa Arab untuk mengenal pasti perubahan itu, dan menganalisis makna, bentuk dan fonem. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang menggunakan pendekatan pengumpulan dan analisis data. Sampel untuk kajian ini ialah kata pinjaman yang diambil daripada *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*. Selain itu, *Kamus al-Mujam al-Wasit* digunakan untuk mengetahui makna asal dalam bahasa Arab manakala *Kamus Kontemporer Arab Indonesia* adalah penting untuk mengenal pasti makna yang diterjemahkan dalam bahasa Indonesia. Kajian ini mendapat bahawa terdapat interaksi antara masyarakat Arab dan Minangkabau yang meninggalkan kesan positif dari sudut pengayaan bahasa Minangkabau dengan kemasukan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab. Perkataan pinjaman itu boleh diklasifikasikan; sebagai perkataan pinjaman dengan makna asal dan perkataan pinjaman dengan makna yang berubah berasaskan hubungan perkataan-makna; sebagai perkataan pinjaman dengan bentuk asal dan perkataan dengan bentuk yang berubah berasaskan bentuk huruf; sebagai perkataan pinjaman dengan sebutan asal dan perkataan pinjaman dengan sebutan yang berubah berasaskan aspek sebutan. Walau bagaimanapun, kebanyakan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau

mengekalkan keaslian makna dan bentuk perkataan tetapi terdapat sebilangan perkataan pinjaman yang mengalami perubahan makna dan bentuk.

Kata kunci: kata pinjaman, Bahasa Arab, Bahasa Minangkabau, Semantik

## PENDAHULUAN

Kewujudan suatu bahasa acapkali dikaitkan dengan proses mengesan dan terkesan. Bahasa Minangkabau tidak terkecuali daripada proses ini dalam pembentukannya. Antara fenomena yang terjadi dalam proses ini adalah peminjaman kata daripada bahasa Arab. Bertolak daripada realiti ini, munculnya kepentingan kajian terhadap kata pinjaman bahasa Minangkabau daripada bahasa Arab.

Salah satu ciri yang sekaligus menjadi hakikat setiap bahasa adalah bahawa bahasa itu bersifat dinamis. Dinamis, dalam konteks hakikat bahasa menurut Chaer dan Agustina (1995:17) adalah bahawa bahasa itu tidak terlepas daripada pelbagai kemungkinan perubahan yang dapat terjadi bila-bila masa. Perubahan itu dapat terjadi pada semua tataran linguistik, iaitu *fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan leksikon*.

Mengikut Irianna, et.al (1997:1), pada pertengahan abad ke tujuh, agama Islam sudah mulai memasuki Minangkabau. Pendapat ini disokong oleh Hamka dalam bukunya *Ayabku* (1963:17) bahawasanya nyatalah pada tahun 52 Hijriyah. 42 tahun setelah Nabi Muhammad (s.aw) wafat, orang Arab telah mempunyai perkampungan di Sumatera Barat.

Penyerapan bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau berlaku sedikit demi sedikit seiring dengan berlalunya waktu. Oleh sebab itu, wujudlah perubahan-perubahan daripada bentuk asalnya. Kata-kata Arab yang diterima masuk ke dalam bahasa Minangkabau itu separuh daripadanya mengekalkan rupa bentuk asalnya. Sedangkan sebahagian lagi diubah mengikut bentuk penyebutan Minangkabau, dari sinilah pengkaji akan mulai menganalisis bentuk-bentuk perubahan dan penyesuaian tersebut.

Kajian tajuk ini akan menyentuh beberapa perkara pokok yang penting dalam peminjaman kata daripada bahasa Arab. Antaranya ialah seperti latar belakang sejarah pertemuan antara Bahasa Minangkabau dan Bahasa Arab, salah satunya ialah faktor-faktor yang merangsang proses peminjaman bahasa Arab dan beberapa perubahan penggunaannya dalam bahasa Minangkabau. Perlu dikaji beberapa persoalan di bawah ini:

1. Apa bentuk kata pinjaman bahasa Arab yang wujud dalam bahasa Minangkabau?
2. Adakah kata pinjaman tersebut mengalami perubahan dan penyesuaian daripada bahasa asalnya dari sudut bentuk kata dan makna?

Objektif kajian penulisan adalah seperti yang di bawah ini:

1. Mengenal pasti bentuk kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau.
2. Mengkaji makna dan bentuk kata pinjaman tersebut dalam bahasa Minangkabau.
3. Menganalisis perubahan dan penyesuaian yang berlaku terhadap kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau.
4. Mengasingkan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang mengalami perubahan dengan kata pinjaman yang tidak mengalami perubahan setelah proses peminjaman berlaku.

Interaksi yang berlangsung secara berterusan antara penutur bahasa Minangkabau dengan penutur bahasa Arab kemudian menimbulkan keragaman dalam penggunaan kata. Keragaman dalam penggunaan kata tersebut menyebabkan berlakunya perubahan dan penyesuaian daripada bahasa asalnya.

Seiring dengan masuknya Islam ke Minangkabau, budaya asal Minangkabau kemudian disesuaikan dengan agama baru ini. Beberapa istilah keagamaan perlu dikenalkan dalam bahasa Arab, kerana tidak ditemukan padanan istilah tersebut dalam bahasa Minangkabau. Pengharmonian (assimilasi) budaya pun terjadi, sehingga penggunaan istilah bahasa Arab tersebut masih lagi dikenalkan hingga ke masa sekarang.

Jenis kajian ini ialah kajian kualitatif, iaitu kajian yang mengutamakan metode pengumpulan data melalui pemerhatian dan penganalisaan kandungan dokumen (Ahmad Sunawari Long, 2008:26). Kajian mengenai kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau ini dipilih kerana pengkaji menemukan kata-kata pinjaman bahasa Arab dalam percakapan sehari-hari penutur bahasa Minangkabau.

Para penutur tersebut tidak perasan bahawa kata-kata yang mereka ucapkan adalah merupakan kata pinjaman. Oleh kerana itu pengkaji merujuk kata-kata tersebut ke dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia* yang dihimpun dan ditulis oleh H. Abdul Kadir Usman Datuk Yang Dipatuan yang memuat entri kata terlengkap.

H. Abdul Kadir Usman Datuk Yang Dipatuan (2002) menjelaskan bahawa beliau berusaha menyusun kata-kata yang terpakai dalam pertuturan masyarakat Minangkabau. Beliau juga menjelaskan bahawa bahasa Minangkabau pada dasarnya tidak mengenal huruf F dan H, kedua huruf tersebut tergabung dalam huruf P dan A. Bahasa

Minangkabau juga tidak mengenal penggunaan huruf Q dan Z, yang dalam sehari-hari memakai huruf K dan J. Akan tetapi kerana pengaruh agama Islam, masyarakat Minangkabau menjadi kenal dengan huruf Q dan Z. Bahasa

Minangkabau juga tidak pernah mengenal huruf X.

Adapun urutan abjad kata entri dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia* ini adalah:

a	b	c	d	e
-	g	h	i	k
l	m	n	o	p
q	r	s	t	u
-	w	-	y	z

Dalam proses pengumpulan data dan penganalisaannya pengkaji menggunakan metode-metode berikut:

### 1. Kajian Sumber atau Dokumen

Metode ini digunakan dalam menjelaskan teori-teori yang merupakan asas bagi kajian ini. Untuk itu pengkaji mengambil buku-buku dan pendapat para ahli yang berhubungkait dengan kajian ini. Bermula daripada buku-buku yang berkenaan dengan bahasa Minangkabau dan bahasa Arab dilanjutkan dengan pendapat para ahli yang memuat maklumat tambahan tentang kajian kata pinjaman.

Beberapa kamus asas yang digunakan sebagai sumber dalam kajian ini ialah: *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*, kamus bahasa Arab *al-Mu'jam al-Wasit* dan *Kamus Kontemporer Arab Indonesia*.

### 2. Praktikal

Kaedah praktikal ini adalah melibatkan penggunaan sebenar, bukan sekadar berasaskan teori sahaja. Kajian tajuk penulisan ini secara langsung akan mengetengahkan kaedah praktikal. Ini adalah merujuk kepada proses pemerhatian yang dititikberatkan untuk mengenal pasti kewujudan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau.

### 3. Analisis

Setelah selesai melalui proses praktikal dalam kajian, pengkaji seterusnya akan menjalankan proses analisis ke atas perkatan-perkataan

tersebut. Analisis ini melibatkan beberapa perkara penting iaitu yang berhubungkait dengan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau, baik dari sudut makna maupun bentuk kata.

#### 4. Metode Pemilihan Sampel

Setelah menyemak satu-persatu entri kata yang terdapat dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*, pengkaji menemukan sebanyak 482 kata pinjaman bahasa Minangkabau yang berasal daripada bahasa Arab dalam kamus ini. Oleh sebab banyaknya kata tersebut, maka pengkaji perlu membatasinya. Jadi, kajian ini hanya menumpukan kepada tiga kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang ditemukan pada awal tiap-tiap abjad yang ada dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*.

Namun ada pengecualian dalam beberapa abjad tertentu, iaitu abjad yang hanya memuat sedikit sahaja entri kata pinjaman. Pengkaji mengambil kesemua entri kata pinjaman yang terdapat dalam tiap-tiap abjad ini, iaitu abjad E dan O hanya satu kata pinjaman, dan abjad G empat kata pinjaman.

Pengkaji menuliskan beberapa kajian kepustakaan yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu:

#### 1. “Kata Pinjaman Bahasa Melayu daripada Bahasa Arab (A-M) Kajian Bandingan dari Aspek Penggunaan berdasarkan *Kamus Dewan* dan *al-Mu‘jam al-Wasit*”

Kajian ini ditulis oleh Saudara Idris Mansor pada tahun 2002, sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh ijazah Sarjana Pengajian Islam. Dalam kajian ini beliau menggunakan metode kepustakaan dan dilanjutkan dengan praktikal serta analisis data. Sama halnya dengan metode yang pengkaji pakai dalam kajian ini. Manakala dalam hal objektif

kajian terdapat perbezaan dimana beliau mengkaji tentang ketepatan penggunaan kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Arab, menganalisis maksud yang tercapai dalam bahasa yang dipinjam.

Kajian ini juga menonjolkan aspek persamaan dan aspek perbezaan dari sudut semantik dalam penggunaan. Dapat terlihat jelas, bahawa dalam kajianya beliau menonjolkan aspek perbezaan dari sudut semantik dalam penggunaan kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Kajian ini menghasilkan klasifikasi-klasifikasi kata pinjaman yang mengalami perubahan, kata pinjaman yang tidak mengalami perubahan, dan kata pinjaman yang mengalami perubahan total.

Manakala dalam kajian ini pengkaji akan menganalisis aspek bentuk kata dari sudut morfologi, aspek perubahan dari sudut semantik dan aspek perubahan bunyi dalam penggunaan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau. Pengkaji juga mengklasifikasikan kata-kata tersebut ke dalam bentuk jadual dan menganalisis perubahan-perubahan yang terjadi dalam kata pinjaman tersebut.

Bersebabkan kepada pengkajian yang akan dilakukan lebih difokuskan kepada kajian peminjaman kata bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau, pengkaji sengaja mengambil daripada *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*. Berbeza dengan tesis yang ditulis oleh Saudara Idris Mansor ini yang mengambil sampel daripada *Kamus Dewan* dengan batasan daripada abjad A hingga abjad M (A-M).

#### 2. “Peminjaman Bahasa Asing dalam *Kamus al-Misbah al-Munir*”

Disertasi ini ditulis oleh Abd. Rauf bin Haji Hassan untuk memenuhi keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2002. Kajian ini memfokuskan kepada tiga konsep

utama dalam peminjaman bahasa asing menurut filologi Arab, iaitu perkataan-perkataan dari kategori *al-mū'arrab*, *al-dakhil* dan *al-muwallad*.

Pengkaji mengemukakan dengan terperinci mengenai pendapat ahli filologi dan linguistik Arab dalam membezakan antara *al-mū'arrab*, *al-dakhil* dan *al-muwallad* serta istilah-istilah lain yang digunakan seperti *al-tā'rib* dan *al-ihtijāj*.

Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan terhadap penulisan-penulisan terdahulu, pengumpulan data dan analisis data. Persamaan kajian ini dengan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji adalah sama-sama mengkaji fenomena peminjaman kata. Perbezaannya terdapat pada objek kajian. Sementara metode yang digunakan adalah sama.

### **3. “*Iqtirad al-Lughah al-Indunisiyyah min al-Lughah al-‘Arabiyyah*”**

Karya ilmiah ini ditulis oleh Syahri Ramadona sebagai salah satu syarat untuk memenuhi keperluan ijazah diploma di Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang Sumatera Barat tahun 2007. Kajian ini menumpukan perhatian pada kata-kata pinjaman bahasa Arab popular dalam bahasa Indonesia.

Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini memiliki kesamaan dengan kajian penulis dari segi teori, iaitu kata pinjaman. Pebezaannya terdapat pada objek kajian. Manakala metode yang digunakan adalah sama.

### **4. “*Dirasah ‘an al-Kalimat al-Mu‘arrabah fi Qamus al-‘Asry*”**

Karya ilmiah ini ditulis oleh Zakia Muthmainnah Kadir sebagai salah satu syarat untuk memenuhi keperluan ijazah diploma di Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang Sumatera Barat tahun 2007. Kajian ini membahas tentang

fenomena *al-mū'arrab* dan *al-tā'rib* dalam Kamus Kontemporer Arab Indonesia (*Kamus al-‘Asry*). Penulis mendedahkan kata-kata yang termasuk dalam kategori *al-mū'arrab* dan menganalisisnya. Kemudian mewujudkannya dalam bentuk rajah.

Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah metode pengumpulan data dan analisis data. Persamaan kajian ini dengan kajian pengkaji adalah sama-sama membahas fenomena peminjaman dan metode kajian yang digunakan. Manakala perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji adalah objek kajian.

Bangsa Arab dan bangsa Minangkabau merupakan dua bangsa yang berasal daripada belahan benua yang berbeza. Meskipun begitu, bukan bererti kedua bangsa ini tidak boleh berhubungan satu sama lain.

Interaksi yang berlangsung antara masyarakat daripada kedua-dua bangsa tersebut telah menghasilkan berbagai kesan. Kesan-kesan perhubungan bangsa Arab dan Minangkabau dapat dilihat berupa adat, tulisan, dan kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Kata-kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau tentunya telah mengalami pelbagai perubahan dalam penggunaannya. Adakah ia berubah dari sudut makn dan bentuk kata. Perubahan-perubahan tersebut berlaku kerana penutur-penutur bahasa Minangkabau telah menyesuaikan penggunaan kata-kata tersebut dengan keperluan mereka.

Masuknya agama Islam ke Minangkabau mempunyai peranan penting dalam perhubungan Arab-Minangkabau. Hubungan antara Islam dengan Minangkabau pun sangat harmonis. Kenyataan ini terwujud dalam falsafah adatnya yang sangat dikenal: *adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah*, yang

bermaksud adat bersendikan hukum dan hukum bersendikan kitabullah (al-Qur'an). Pertalian yang harmonis ini boleh berlaku kerana sejak beratus-ratus tahun sebelum agama Islam masuk dan berkembang di Minangkabau, masyarakatnya telah diatur oleh suatu peraturan yang mereka buat bersama secara musyawarah. Peraturan itu dinamakan “*buek parbuatan*” yang lama kelamaan berubah menjadi “adat” (Azwar Dt. Mangiang, 1991:1).

Kedatangan Islam ke Minangkabau tidaklah bertembung dengan adat Minangkabau, sebab ajaran Islam menyuruh penganutnya mempelajari alam. Allah berfirman dalam al-Qur'an surah Yunus ayat 101, yang bermaksud: “perhatikanlah apa-apa yang di langit dan yang di bumi”. Masuknya Islam ke Minangkabau menyebabkan adat menjadi sempurna dan kuat (Azwar Dt. Mangiang, 1991:1).

Perhubungan Arab-Minangkabau banyak meninggalkan kesan di Minangkabau. Kenyataan ini dapat kita lihat dari falsafah adat orang Minangkabau “*adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah*”. Falsafah ini merupakan sebahagian dari jiwa orang Minangkabau. Tentunya orang Minangkabau tidak akan pernah meninggalkan falsafah hidup ini.

Kesan berikutnya ialah tulisan Arab Jawi yang dapat kita temukan dalam naskah-naskah kuno. Naskah-naskah ini menggunakan huruf Arab, namun berbahasa Melayu. Amir Syarifuddin (1984:124) menyatakan bahawa tambo, kaba, dan kisah-kisah tradisional Minangkabau lainnya disampaikan secara lisan dari *ninik turun ke mamak* dan dari *mamak turun kemenakan*; dari generasi ke generasi berikutnya dan baru kemudian ditulis setelah nenek moyang orang Minangkabau mengenal tulisan Arab Jawi sesudah masuknya Islam ke Minangkabau. Hal ini terbukti dari tambo

asli yang ditulis tangan dengan tulisan Arab Jawi berbahasa Melayu.

Kesan lain ialah beberapa perkataan atau istilah bahasa Arab yang digunakan oleh orang Minangkabau. Contohnya kata *kadi* yang bererti hakim agama, berasal daripada bahasa Arab *qadi*. Kata panggilan nama *sutan* yang berasal daripada kata *sultan*, *luo* atau *aluo* yang bererti manisan. Kemudian banyak lagi kata-kata lainnya yang akan dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini.

Dapat disimpulkan, bahawa kesan-kesan perhubungan Arab-Minangkabau adalah berupa adat, tulisan, dan kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Arab.

#### **FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDAN KATA PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM BAHASA MINANGKABAU**

Kata pinjaman merupakan kata bukan asli suatu bahasa. Kata bukan asli yang dimaksud dalam konteks ini ialah kata pinjaman konkrit (Brennan, 1992:553). Ciri utama kata pinjaman konkrit ialah penyesuaian fonem-fonem asal bahasa asing mengikut sistem bunyi bahasa penerima (Keok, 2000:11).

Abdullah Hassan (1989:221) mengatakan bahawa motivasi peminjaman ialah **keperluan dan perasaan megah** terhadap sesuatu bahasa. Misalnya pelbagai istilah asing yang dipinjam oleh bahasa Thai dan bahasa Jepun kerana keperluan dalam bidang pendidikan tinggi. Bagi motivasi pinjaman yang berpunca daripada perasaan megah, beliau memberi contoh pelajar Melayu yang pulang dari England sengaja menggunakan *I* dan *you*; pelajar yang pulang dari Mesir menggunakan *ana* dan *anta* dalam pertuturan mereka (Chai, 2008:40).

Sedangkan menurut Wan Ibrahim bin Haji Wan Mamat (1995:254) faktor-faktor berlakunya peminjaman ialah:

1. Faktor pertembungan
2. Faktor keperluan
3. Faktor terjemahan

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan ahli linguistik menyetujui faktor keperluan dan nilai sosial atau prestij merupakan faktor universal yang menyebabkan berlakunya peminjaman.

Sehubungan dengan penerangan mengenai peminjaman sebelumnya dan sejarah mengenai perhubungan antara Arab dengan Minangkabau, pengkaji menyimpulkan faktor-faktor yang menyebabkan terwujudnya kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau ialah:

1. Faktor perdagangan: hubungan perdagangan antara orang Arab dengan orang Minangkabau telah berlaku semenjak abad ke-7 Masihi. Pedagang-pedagang Arab tersebut membawa masuk perkataan-perkataan Arab dalam pertuturan mereka untuk mengungkapkan apa-apa yang mereka inginkan.
2. Faktor keagamaan: Islam telah masuk ke bumi Minangkabau bersamaan dengan masuknya para pedagang Arab. Namun penyebaran agama Islam bukan tujuan utama para pedagang tersebut, melainkan sebagai sampingan sahaja.
3. Faktor pertembungan kebudayaan Arab dengan kebudayaan Minangkabau. Penyebaran agama Islam di Minangkabau sangat berpengaruh dalam wujudnya perkataan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau. Serta kewujudan tempat-tempat belajar ilmu agama di Minangkabau iaitu surau, yang tentunya dalam corak

pendidikan agama ini banyak terdapat budaya-budaya Arab yang mempengaruhi para murid yang menuntut ilmu.

4. Faktor keperluan akan beberapa kosakata untuk menunjukkan sesuatu yang baru. Dalam mempelajari ilmu agama Islam, tentunya ada sesuatu hal yang baru yang tidak ditemui padanan katanya dalam bahasa Minangkabau, sehingga penggunaan istilah Arab dikenalkan untuk merujuk kepada sesuatu yang baru tersebut.

Berikut beberapa pandangan ahli bahasa yang mencuba mengupas maksud sebenar yang tersirat di sebalik istilah **kata pinjaman**:

1. Kata pinjaman ialah: perkataan dari bahasa asing yang telah “terpinjam” atau termasuk sa-bati jadi sebahagian daripada perbendaharaan kata-katanya (Za’ba, 1965:264)
2. Menurut Harimurti Kridalaksana (1993:100) kata pinjaman ialah kata yang dipinjam daripada bahasa lain dan kemudian sedikit banyaknya disesuaikan dengan kaedah bahasa sendiri.
3. Peminjaman bahasa - bahasa pinjaman diertikan sebagai pengambilan kata-kata asing atau unsur-unsur bahasa asing dan kemudian diserapkan ke dalam sesuatu bahasa untuk dijadikan sebahagian daripada bahasa yang berkenaan” (Amat Juhari Moain, 1993:717)
4. Haugen (1956:36) berpendapat bahawa sebenarnya peminjaman adalah pengambil-alihan unsur daripada satu bahasa dan digunakan dalam konteks bahasa yang lain. Dan

menurut beliau, kata pinjaman adalah kata yang mengalami pengimportan morfemik sepenuhnya. Kata pinjaman seterusnya boleh dikelaskan menurut darjah penggantian fonemik yang berlaku: tiada, langsung, sebahagian atau sepenuhnya.

5. *Kamus Linguistik* (1997:118) mendefinisikan kata pinjaman sebagai kata yang dipinjam terus daripada bahasa asing, sama ada melalui penterjemahan atau peniruan konsep daripada bahasa lain.

Melalui beberapa takrifan ini, dapat disimpulkan bahawa kata pinjaman ialah kata atau perkataan yang berasal daripada bahasa asing, diserapkan ke dalam bahasa lain (seperti kata bahasa Arab yang diserapkan ke dalam bahasa Minangkabau) dan seterusnya diterima pakai dalam bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, Haugen (1950b:211) berpendapat bahawa istilah **peminjaman** sebenarnya kurang sesuai dari segi maksud kerana sesuatu bahasa yang **dipinjam** itu tidak perlu diminta kebenaran dan tidak pula disedari oleh pihak yang dipinjam, pihak yang meminjam pula tidak mesti memulangkan apa yang telah dipinjam. Tetapi lain-lain istilah seperti **mencuri**, **mengadaptasi**, dan **difusi linguistik** juga kurang sesuai berbanding dengan istilah **pinjaman**. Maka, istilah **pinjaman** digunakan sebelum istilah lain yang lebih sesuai dicipta.

Kata pinjaman jika dialihbahaskan kepada bahasa Arab dikenali sebagai *al-mu'arrab* ataupun *al-dakhil*. *Al-mu'arrab* mengikut takrif yang diberikan oleh al-Suyuti (1998:1/211) ialah perkataan-perkataan bahasa asing untuk makna-makna tertentu yang digunakan oleh orang Arab setelah

adanya proses penyesuaian dengan pola dan sebutan.

Manakala perkataan *al-dakhil* menurut Ibnu Manzur (1994:241) perkataan bahasa asing yang dimasukkan (digunakan) ke dalam bahasa Arab tanpa sebarang perubahan.

‘Abd al-Wahid Wafi telah menjelaskan perbezaan antara keduanya:

- *Al-mu'arrab*: kata yang dipinjam daripada bahasa asing dan telah diarabisasikan.
- *Al-dakhil*: kata-kata daripada bahasa asing yang dibawa masuk ke dalam bahasa Arab tanpa melalui proses arabisasi ataupun yang hanya mengalami sedikit perubahan yang tidak mengganggu keaslian perkataan tersebut (Wafi, 1973:199).

## ANALISIS SEMANTIK

Analisis semantik dalam konteks kajian ini ialah analisis yang melihat pemindahan makna sesuatu perkataan daripada proses yang berlaku, yakni sama ada membawa kepada pengekalan, peluasan, mahupun penyempitan makna dalam perhubungan dengan bahasa-bahasa lain (Lim, 2000:21).

### Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Minangkabau Tetap

Kata pinjaman yang dikategorikan kepada kata pinjaman tetap ialah kata-kata yang tidak mengalami sebarang perubahan dan mengekalkan makna asalnya. Berikut analisis pengekalan makna perkataan pinjaman tersebut:

#### 1. Adas حدث

Makna kata **adas** dalam bahasa Minangkabau: a) *adas ketek*; hadas kecil

(kotoran ringan yang mensucikannya cukup dengan percikan air bersih). b) *adas gadang*; hadasbesar; kotoran berat, seperti lepas melahirkan, selesai jimat atau bermimpi basah. Membersihkannya dengan mandi wajib dan makna kata **حدث** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu hadas, kotoran (kubm:16, amaw:160, kkai:745).

## 2. Adia عادل

Makna kata **adia** dalam bahasa Minangkabau ialah adil; *rajo adia rajo disambah, rajo lalim rajo disanggah*; raja adil, raja disembah raja zalim, raja disanggah; (ada kewajiban pada warga untuk membetulkan atau menegur kekeliruan pemimpinnya). Makna ini sama dengan makna kata **عادل** dalam bahasa Arab, iaitu adil, lurus, hanya memihak pada kebenaran (kubm:18, amaw:588, kkai:1258).

## 3. Baka بقاء

Makna kata **baka** dalam bahasa Minangkabau ialah kekal. *Harato baka*; harta kekal (disebut demikian kerana harta tersebut lama hilang kemudian ditemukan lagi kerana diperoleh secara sah, tidak merugikan orang lain). Makna ini adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab **بقاء**, iaitu abadi, kekal (kubm:73, amaw:66, kkai:343).

## 4. Dabiah ذبح

Makna kata **dabiah** dalam bahasa Minangkabau ialah: menyembelih; *Pakih Pohan maadokan acara mandabiah kambiang*; Pakiah Pohan (seorang bijak bernama Pohan) mengadakan acara menyembelih kambing. Makna ini adalah sama dengan makna kata **ذبح** dalam bahasa Arab, iaitu

menyembelih (kubm:144, amaw309, kkai:928).

## 5. Darajek درجة

Makna kata **darajek** dalam bahasa Minangkabau ialah tanda atau sebutan tingkat-tingkat sesuatu; *darajek urang bana-bana tagantuang dari apo nan dikarajokan jo caro karajonyo*; derajat seseorang bergantung pada apa yang dikerjakan dan cara bagaimana ia mengerjakannya. Makna ini adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab **درجة**, iaitu derajat, kedudukan, ukuran, tingkatan (kubm:154, amaw:278, kkai:889).

## 6. Gadjah خديجه

Makna kata **gadjah** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata **خديجه** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu nama orang, panggilan untuk Khadijah, nama isteri Rasulullah (s.a.w) (kubm:174, amaw:219, kkai:827).

## 7. Ibadat عبادة

Makna kata **ibadat** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata **عبدة** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu ibadah, penyembahan, gerak dan sikap pengabdian, penghambaan kepada Allah (s.w.t) (kubm:217, amaw:579, kkai:1267).

## 8. Idah عدة

Makna kata **idah** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata **عدة** dalam bahasa Arab, iaitu bilangan tertentu, sejumlah, iddah (perempuan yang bercerai dengan/ditinggal mati suaminya) (kubm:218, amaw:587, kkai:1275).

## 9. Jahanam جهنم

Makna kata **jahanam** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab جهنم, iaitu nama neraka (kubm:236, amaw:144, kkai:706).

#### 10. Jahia جاهل

Makna kata **jahia** dalam bahasa Minangkabau: bodoh; *suatu nan jahia janyo aka;* sesuatu yang bodoh bagi akal. Makna ini sama dengan makna kata جاهل dalam bahasa Arab, iaitu tidak tahu, bodoh, pemalas (kubm:236, amaw:143, kkai:648).

#### 11. Jala جلال

Makna kata **jala** dalam bahasa Minangkabau: mulia; *angku Jala;* Datuk Jalal. Makna ini adalah sama dengan makna kata جلال dalam bahasa Arab, iaitu mulia, luhur (kubm:238, amaw:131, kkai:682).

#### 12. Kaabah كعبة

Makna kata **kaabah** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab كعبة, iaitu ka'bah (arah kiblat umat Islam sedunia, tempatnya di Mekah) (kubm:260, amaw:790, kkai:1510).

#### 13. Kabua قبول

Makna kata **kabua** dalam bahasa Minangkabau: terima; *indak tajawek kabua;* patah lidahnya ketika mengucapkan ijab qabul, dan makna kata قبول dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu terima, persetujuan, kerelaan (kubm:262, amaw:713, kkai:1432).

#### 14. Laanek لعنة

Makna kata **laanek** dalam bahasa Minangkabau: kutuk; *bilo ambo baduto, mako kutuak sarato laanek Allah akan manimpo diri ambo;* apabila hamba berdusta, maka kutuk dan laknat Allah akan menimpa diri hamba (lafaz sumpah). Makna ini adalah sama dengan makna kata لعنة dalam bahasa Arab, iaitu kutuk, laknat (kubm:333, amaw:829, kkai:1554).

#### 15. Laia ظاهر

Makna kata **laia** dalam bahasa Minangkabau ialah zahir; *nan laia manunjuk an nan batin* (perilaku sehari-hari menjelaskan sikap hidup dan pola pemikiran seseorang). Makna ini adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab ظاهر, iaitu zahir, bahagian luar, permukaan, yang terlihat dari luar (kubm:338, amaw:578, kkai:1248).

#### 16. Maana معنی

Makna kata **maana** dalam bahasa Arab dan makna kata معنی dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu makna, erti (kubm:385, amaw:633, kkai:1770).

#### 17. Maalum معلوم

Makna kata **maalum** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata معلوم dalam bahasa Arab, iaitu mengerti, memahami, yang telah pasti, tentu, tidak boleh tidak (kubm:385, amaw:624, kkai:1769).

#### 18. Maaripat معرفة

Makna kata **maaripat** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab معرفة, iaitu

pengetahuan, konsepsi (kubm:385, amaw:595, kkai:1764).

## 19. Nabi نبی

Makna kata **nabi** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata **نبی** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu nabi, utusan Allah (s.w.t) (kubm:404, amaw:896, kkai:1890).

## 20. Naja نذر

Makna kata **naja** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata **نذر** dalam bahasa Arab, iaitu nazar; berjanji pada Allah (s.w.t) untuk melakukan sesuatu (kubm:404, amaw:912, kkai:1901).

## 21. Najih نجس

Makna kata **najih** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab **نجس**, iaitu najis, kotor (kubm:404, amaw:903, kkai:1893).

## 22. Paedah فائدة

Makna kata **paedah** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata **فائدة** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu faedah, nilai, guna, manfaat (kubm:425, amaw:705, kkai:1366).

## 23. Pakiah فقیہ

Makna kata **pakiah** dalam bahasa Minangkabau: seseorang yang ahli dalam ilmu agama; *Pakiah Bagindo Malano*; sebuah gelar kehormatan. Makna ini adalah sama dengan makna kata **فقیہ** dalam bahasa Arab, iaitu sebutan/panggilan untuk ahli ilmu

hukum agama (fekah) (kubm:427, amaw:698, kkai:1402).

## 24. Raayat رعیة

Makna kata **raayat** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab **رعیة**, iaitu rakyat, warga negara (kubm:458, amaw:356, kkai:979).

## 25. Rabaa أربعة

Makna kata **rabaa** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata **أربعة** dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu nama hari (Rabu) (kubm:458, amaw:324, kkai:72).

## 26. Rabie-akia ربيع الآخر

Makna kata **rabie-akia** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata **ربيع الآخر** dalam bahasa Arab, iaitu rabi'ul akhir, nama bulan ke-4 menurut perhitungan tahun Hijriyah (kubm:458, amaw:325, kbhi:806).

## 27. Saaban شعبان

Makna kata **saaban** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab **شعبان**, iaitu sya'ban, nama bulan ke-8 dalam perhitungan tahun Hijriyah (kubm:477, amaw:438, kbhi:984).

## 28. Saba صبر

Makna kata **saba** dalam bahasa Minangkabau ialah sabar; *urang saba kasian Allah*; orang sabar dikasihi Allah. Makna kata **صبر** dalam bahasa Arab adalah sama,

iaitu sabar (kubm:477, amaw:505-506, kkai:1166).

### 29. Sabab سبب

Makna kata **sabab** dalam bahasa Minangkabau: sebab; *tuah ba sabab ba karano, pandai batenggang din an rumik*; tuah bersebab berkerana, pandai bertenggang di kala susah. Makna ini adalah sama dengan makna kata سبب dalam bahasa Arab, iaitu sebab, faktor, alasan (kubm:477, amaw:411, kkai:1043).

### 30. Taalia تهليل

Makna kata **taalia** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab تهليل, iaitu tahlil, bacaan “la ilaha illallah” (kubm:515, amaw:992, kkai:602).

### 31. Taat طاعة

Makna kata **taat** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata طاعة dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu taat, tunduk, patuh (kubm:515, amaw:570, kkai:1219).

### 32. Tabak طبع

Makna kata **tabak** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata طبع dalam bahasa Arab, iaitu mencetak, menerbitkan (kubm:515, amaw:549, kkai:1223).

### 33. Udu عدو

Makna kata **udu** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab عدو, iaitu musuh, lawan (kubm:555, amaw:588-589, kkai:1278).

Contoh kata dalam bahasa Minangkabau: *ba udū*; bermusuhan.

### 34. Uduak وضوء

Makna kata **uduak** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata وضوء dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu wudhuk, membersihkan beberapa bagian tubuh yang diwajibkan menjelang shalat (kubm:555, amaw:1038, kkai:2024).

### 35. Wajah وجه

Makna kata **wajah** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata وجه dalam bahasa Arab, iaitu wajah, muka (kubm:564, amaw:1015, kkai:2002).

### 36. Yakin يقين

Makna kata **yakin** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab يقين, iaitu yakin, keyakinan, kepastian (kubm:567, amaw:1066, kkai:2050).

### 37. Yakuik ياقوت

Makna kata **yakuik** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata ياقوت dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu yakut (batu Mulia), sejenis permata (kubm:567, amaw:1065, kkai:2044).

### 38. Zabur زبور

Makna kata **zabur** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata asalnya dalam bahasa Arab, iaitu kitab suci yang diturunkan Allah (s.w.t) kepada Nabi Daud (a.s) (kubm:569, amaw:388, kbbi:1135).

### 39. Zalim ظالم

Makna kata **zalim** dalam bahasa Minangkabau dan makna kata ظالماً dalam bahasa Arab adalah sama, iaitu kejam, zalim, tidak adil, sewenang-wenang (kubm:569, amaw:577, kkai:1248)

#### 40. Zaman زمان

Makna kata **zaman** dalam bahasa Minangkabau adalah sama dengan makna kata زمان dalam bahasa Arab, iaitu zaman, masa, waktu, era, periode (kubm:569, amaw:401, kkai:1021).

Keseluruhan kata pinjaman yang tersebut di atas ialah merupakan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau tetap. Maksudnya tiada terjadi sebarang perubahan makna daripada makna asalnya.

#### Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Minangkabau Berubah

Kata pinjaman yang dikategorikan kepada kata pinjaman berubah ialah kata pinjaman yang mengalami penyempitan makna, peluasan makna, atau perubahan total daripada makna asalnya.

Mengikut *Kamus Linguistik* (1997:190) perubahan makna ialah perubahan makna kata yang boleh berupa peluasan atau penyempitan atau pengalihan, dan adapun peluasan makna ialah proses meluaskan makna kata atau frasa dengan meluaskan konteks penggunaannya, dan penyempitan makna ialah proses menyempitkan makna kata atau frasa dengan menyempitkan konteks penggunaannya (*Kamus Linguistik*, 1997:175&185).

Berikut analisis perubahan makna kata-kata pinjaman tersebut:

#### 1. Aluo حلوي

Dalam bahasa Minangkabau **aluo** bermakna manisan yang terbuat daripada parutan kelapa yang digaul dengan cairan gula. Manakala dalam bahasa Arab حلوي bermakna segala macam makanan yang rasanya manis, adakah ia manisan yang terbuat daripada gula, ataupun buah-buahan yang rasanya manis. Dalam konteks ini, kata pinjaman tersebut telah mengalami penyempitan makna daripada makna asalnya.

#### 2. Baha بح

Dalam bahasa Minangkabau **baha** merupakan nama yang diberikan pada sejenis akar laut, disebut **aka baha** kerana ia merupakan sesuatu benda yang biasanya digunakan untuk membuat gelang tangan. Manakala dalam bahasa Arab بح bermakna laut atau air asin. Sehingga penyempitan makna pun berlaku dalam konteks ini.

#### 3. Baik بعيد

Makna kata **baik** dalam bahasa Minangkabau dan dalam bahasa Arab ialah kerabat atau saudara jauh. Manakala dalam bahasa Arab, makna kata بعيد lebih luas, iaitu mencakupi makna jauh untuk jarak dan makna kerabat jauh untuk keluarga. Dalam konteks ini, penyempitan makna juga terjadi.

#### 4. Dalalat دلالات

Kata **dalalat** dalam bahasa Minangkabau bermakna alasan. Manakala dalam bahasa Arab kata دلالات bermakna isyarat, tanda, petunjuk, atau bukti. Makna dalam bahasa Arab lebih luas berbanding makna dalam bahasa Minangkabau, sehingga penyempitan makna juga terjadi dalam konteks ini.

#### 5. Elah علة

Makna kata **elah** dalam bahasa Minangkabau adalah alasan atau dalih. Manakala dalam bahasa Arab, makna kata ﻋَلَى lebih luas, iaitu cacat, aib, kekurangan, hujjah, alasan, dan sebab. Berdasarkan kenyataan ini, dapat kita lihat bahawa telah terjadi penyempitan makna kata dalam bahasa Minangkabau daripada makna asalnya.

## 6. Gaik غائب

Dalam bahasa Minangkabau kata **gaik** bermakna sesuatu yang ada akan tetapi tersembunyi dari pandangan mata atau sememangnya disembunyikan. Manakala dalam bahasa Arab kata **غائب** bermakna orang yang tidak hadir atau sesuatu yang tertutup dan tersembunyi. Dapat kita lihat, makna dalam bahasa Arab lebih luas berbanding makna dalam bahasa Minangkabau. Dalam konteks ini, juga terjadi penyempitan makna.

## 7. Galat غالط

Kata **galat** dalam bahasa Minangkabau bermakna pembetulan. Manakala kata **غالط** dalam bahasa Arab bermakna menipu, menyebabkan salah/keliru, atau menyesatkan. Perubahan makna yang terjadi dalam konteks ini ialah perubahan makna total daripada makna menipu, menyebabkan salah/keliru, atau menyesatkan menjadi makna pembetulan.

## 8. Galik غالب

Makna kata **galik** dalam bahasa Minangkabau adalah biasanya atau lazimnya. Manakala dalam bahasa Arab kata **غالب** bermakna yang mengalahkan, yang menang, dan biasanya atau lazimnya. Dapat kita lihat, penyempitan makna yang berlaku daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Minangkabau.

## 9. Ibarat عبارۃ

Dalam bahasa Minangkabau kata **ibarat** bermakna bagaikan, misal, seperti, dan umpama. Manakala dalam bahasa Arab kata **عَبَارَة** mempunyai makna yang lebih luas, kata ini tidak hanya digunakan untuk merujuk pada perumpamaan sahaja, melainkan juga untuk merujuk kepada pengungkapan, lafaz, dan kata-kata. Sehingga dapat dilihat bahawa penyempitan makna juga berlaku dalam konteks ini.

## 10. Kada قضی

Kata **kada** atau **kala** dalam bahasa Minangkabau merujuk kepada mengganti puasa yang tertinggal. Manakala dalam bahasa Arab, selain merujuk kepada membayar puasa yang tertinggal, kata **قضی** juga merujuk kepada membayar, melunasi, dan melaksanakan sesuatu, sama ada ia suatu pekerjaan mahupun bukan. Penyempitan makna telah berlaku pada perkataan ini.

## 11. Lajat لذۃ

Makna kata **lajat** dalam bahasa Minangkabau adalah lezat atau suatu sensasi rasa yang nikmat dan menyenangkan (sama ada untuk makanan mahupun perasaan). Manakala dalam bahasa Arab kata **لذۃ** bermakna kesenangan atau kenikmatan yang dirasakan tidak hanya oleh indera perasa (untuk makanan) tapi juga untuk penglihatan, pencapaian atau kesuksesan, dan kenangan masa lalu yang membawa kepada perasaan menyenangkan. Berdasarkan situasi ini dapat kita lihat penyempitan makna yang berlaku daripada makna asalnya dalam bahasa Arab.

## 12. Orat عورۃ

Kata **orat** dalam bahasa Minangkabau bermakna aurat, iaitu sesuatu yang harus ditutupi atau disembunyikan. Kata عورۃ dalam bahasa Arab bermakna lebih luas, tidak hanya aurat dan kemaluan melainkan juga bermakna cacat, aib, dan cela. Dapat kita lihat, penyempitan makna telah berlaku pada perkataan ini.

### 13. Paham فهم

Dalam bahasa Minangkabau kata **paham** bermakna faham, iaitu mengerti sepenuhnya tentang yang dikatakan, yang dikerjakan, yang didengar, yang dilihat, dan yang dibaca sebagai syarat untuk membuat orang lain faham apa yang akan dikemukakan. Sementara dalam bahasa Arab kata فهم bermakna kemampuan dan kecerdasan. Dalam konteks ini kata pinjaman tersebut telah mengalami perluasan makna daripada makna asalnya.

### 14. Qadim قديم

Makna kata **qadim** dalam bahasa Minangkabau adalah serba pasti; serba menentukan; sifat Allah (s.w.t). Manakala dalam bahasa Arab kata قدیم bermakna waktu lalu/lampau, kekekalan, keabadian Allah (sifat Allah (s.w.t)), yang abadi. Tidak adanya makna waktu ataupun masa dalam bahasa Minangkabau untuk kata **qadim** menunjukkan bahawa penyempitan makna telah berlaku pada perkataan ini.

### 15. Qari قارئ

Kata **qari** dalam bahasa Minangkabau bermakna pembaca al-Qur'an laki-laki. Manakala dalam bahasa Arab kata قارئ bermakna orang yang membaca, menelaah, mempelajari, mencermati idea atau pemikiran. Mencermati perbezaan

makna kata pinjaman tersebut daripada makna asalnya, telah terjadi penyempitan makna.

### 16. Qarib قريب

Makna kata **qarib** dalam bahasa Minangkabau ialah kerabat dekat atau sanak keluarga dekat. Manakala dalam bahasa Arab kata قريب mempunyai makna yang lebih luas, iaitu dekat sebagai ukuran jarak dan kerabat dekat untuk keluarga. Dapat kita lihat bahawa penyempitan makna juga berlaku pada kata pinjaman ini.

### 17. Ueh-ueh وسوس

Dalam bahasa Minangkabau kata **ueh-ueh** bermakna was-was:merasa ada keraguan, ada yang diragukan. Manakala dalam bahasa Arab kata وسوس mempunyai makna yang lebih luas, iaitu berbisik, membisikkan, dan menderita keraguan. Penyempitan makna berlaku juga terhadap kata pinjaman ini.

### 18. Wahyu وحْيٌ

Makna kata **wahyu** dalam bahasa Minangkabau ialah petunjuk Allah kepada Nabi melalui malaikat Jibril. Manakala dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Arab, kata وحْيٌ membawa maksud yang lebih luas, tidak hanya sebagai petunjuk Allah kepada Nabi melalui malaikat Jibril, melainkan juga setiap ayat yang disampaikan untuk memberi maklumat kepada orang lain. Mencermati kenyataan ini, dapat kita lihat bahawa penyempitan makna juga telah berlaku pada perkataan **qadim** ini.

### 19. Waham وهم

Kata **waham** dalam bahasa Minangkabau bermakna salah kira atau salah rasa.

Sementara kata *يَتِيمٌ* dalam bahasa arab bermakna khayalan, angan, dan kebimbangan. Perbezaan makna kata pinjaman tersebut daripada makna asalnya adalah sangat jauh sekali. Pengkaji menganggap perubahan makna secara total telah berlaku terhadap kata pinjaman ini.

## 20. Yatim يَتِيمٌ

Dalam bahasa Minangkabau, kata *yatim* membawa maksud sebutan untuk anak yang belum dewasa dalam Islam yang ayahnya sudah meninggal dunia. Manakala dalam bahasa Arab, kata *يَتِيمٌ* membawa maksud yang lebih luas. Kata *يَتِيمٌ* tidak hanya digunakan untuk sebutan bagi manusia sahaja. Melainkan juga untuk haiwan yang kematian induknya. Perbezaan makna ini, telah menerangkan kepada kita bahawa penyempitan makna telah berlaku pada perkataan ini.

Demikianlah penjelasan mengenai kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang mengalami perubahan makna. Selanjutnya pengkaji akan beralih kepada analisis bentuk kata daripada kata-kata pinjaman tersebut.

## ANALISIS MORFOLOGI

Analisis morfologi dalam konteks kajian ini adalah analisis mengenai bentuk kata daripada tiap-tiap kata pinjaman secara sintaksis. Adakah ia mengekalkan bentuk kata asalnya atau telah mengalami sebarang perubahan.

Mengikut Be Kim Hoa Nio (1979:48) secara sintaksis kata yang terdapat dalam bahasa Minangkabau dibagi atas beberapa bentuk, iaitu:

1. Kata Benda, ialah nama benda (abstrak dan konkret), nama orang, kata ganti benda, dan kata ganti

penanya benda, contoh: *rumah* (rumah), *lapiak* (lapik), *inyo* (dia), *sia* (siapa), *iko* (ini).

2. Kata Kerja, ialah kata yang menyatakan kegiatan yang dilakukan oleh kata benda, contoh: *makan* (makan), *manangjh* (menangis), *jatuah* (jatuh).
3. Kata Sifat, ialah kata yang menunjukkan tabiat atau keadaan dari sebuah benda atau orang, contoh: *lapa* (lapar), *sakik* (sakit), *rancak* (cantik), *manih* (manis), *lapang* (luas), *gadang* (besar).
4. Kata Bilangan, ialah kata yang menunjukkan jumlah dari benda atau kata ganti yang menanyakan jumlah benda, contoh: *duo* (dua), *tigo* (tiga), *limo* (lima), *sakaranjang* (sekeranjang), *saketek* (sedikit), *banyak* (banyak).
5. Kata Keterangan, ialah kata yang menunjukkan sifat suatu perbuatan, seperti: *lambek* (lambat), *capek* (cepat), keterangan kata sifat, seperti: *bana* (sangat), tempat suatu benda, seperti: *di siko* (di sini), *di sinan* (di sana) dan kata ganti penanya keterangan, seperti: *baa* (bagaimana), *dima* (dimana).
6. Kata Tugas, termasuk di dalamnya:
  - a. kata sambung, digunakan untuk menghubungkan satu kata dengan kata lain atau satu kalimat dengan kalimat lain, contoh: *jo* (dengan), *tapi* (tetapi), *sadang* (sedangkan), *kok* (jika).
  - b. kata depan, ialah kata yang menunjukkan bahawa kata berikutnya adalah merupakan kata benda atau tempat, seperti: *ka* (ke), *dari* (dari), *di* (di).
  - c. kata sandang, ialah kata yang terdapat di muka nama orang atau yang diorangkan atau di

- belakangnya, contoh: *si* (si), *rangkayo* (nyonya), *uni* (kakak), *uda* (abang), *iko* (ini), *itu* (itu).
- d. kata seru, ialah kata yang digunakan untuk mengambil perhatian lawan bercakap, contoh: *oi* (hai), *ondeh* (aduhai), *aduah* (aduh).

Sementara itu, mengikut Muhammad Aly al-Khuli(2000:82) bentuk-bentuk kata dalam bahasa Arab ialah:

1. *Ism*, termasuk di dalamnya kata benda, kata ganti nama, kata sifat, dan kata keterangan, contoh: ، خالد، عصفور، ماء، دار، خير، جيد، بعيد، قریب
2. *Fil* (kata kerja), contoh: ، شرب، يشرب، شربا
3. *Harf* (kata penyerta), contoh: ، هل، في، لم، على، إن، من

Dapat kita lihat perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut dalam pembahagian bentuk kata. Namun pengkaji tidak mengkaji perbezaan tersebut, melainkan hanya mengkaji bentuk-bentuk kata secara umum daripada tiap-tiap bahasa.

#### **Analisis dari Sudut Bentuk Kata; Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Minangkabau Tetap**

Kata pinjaman yang terdapat dalam senarai berikut ini adalah merupakan kata-kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang tidak mengalami sebarang perubahan bentuk kata daripada bentuk kata dalam bahasa asalnya.

Adapun analisis bentuk kata daripada perkataan pinjaman tersebut adalah sebagai berikut:

#### **1. Adas حدث**

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata benda.

#### **2. Adia عادل**

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata sifat.

#### **3. Aluo حلوى**

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata benda.

#### **4. Baha بحث**

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata benda.

#### **5. Baka بقاء**

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata sifat.

#### **6. Dabiah ذبح**

Bentuk kata Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata kerja

Bentuk kata dalam bahasa Arab: فعل (*fīl*) atau kata kerja.

**7. Dalalat** دلالات

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**8. Darajek** درجة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**9. Elah** علة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**10. Gadijah** خديجة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**11. Gaik** غائب

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata sifat.

**12. Galik** غالب

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata sifat.

**13. Ibadat** عبادة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**14. Ibarat** عباره

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**15. Idah** عدّة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**16. Jahanam** جهنّم

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata benda.

**17. Jahia** جاهل

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (*ism*) iaitu kata sifat.

<b>18. Jala</b>	جَالِلٌ	Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata sifat.
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata sifat.		
<b>19. Kaabah</b>	كَعْبَةٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>20. Kabua</b>	قَبُولٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>21. Kada</b>	قَضَىٰ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata kerja		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: فعل(fa‘l) atau kata kerja.		
<b>22. Laanek</b>	لَعْنَةٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>23. Laia</b>	ظَاهِرٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat		
		Bentuk kata dalam bahasa Arab: لَذَّةٌ(ism) iaitu kata sifat.
<b>24. Lajat</b>	لَذَّةٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata sifat.		
<b>25. Maana</b>	مَعْنَىٰ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>26. Maaripat</b>	مَعْرِفَةٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>27. Nabi</b>	نَبِيٰ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>28. Naja</b>	نَدْرٌ	
Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda		
Bentuk kata dalam bahasa Arab: سُمْلٌ(ism) iaitu kata benda.		
<b>29. Najih</b>	نَجِسٌ	

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 30. Orat عورة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 31. Paedah فائدة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 32. Pakiah فقيه

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 33. Qadim قدیم

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata sifat.

### 34. Qari قارئ

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 35. Raayat رعية

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 36. Rabaa أربعة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 37. Rabie-akia ربع الآخر

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 38. Saaban شعبان

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

### 39. Saba صبر

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata sifat.

### 40. Sabab سبب

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**41. Taalia** تھلیل

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**42. Taat** طاعة

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata sifat.

**43. Tabak** طبع

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata kerja

Bentuk kata dalam bahasa Arab: فعل (fi'l) kata  
kerja.

**44. Udu** عدو

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**45. Wahyu** وحْيٌ

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**46. Wajah** وجہ

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**47. Waham** وہم

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**48. Yakin** یقین

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**49. Yakuik** یاقوت

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**50. Yatim** بیتیم

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism)  
iaitu kata benda.

**51. Zabur** زبور

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau:  
kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata benda.

### 52. Zalim ظالم

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata sifat

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata sifat.

### 53. Zaman زمان

Bentuk kata dalam bahasa Minangkabau: kata benda

Bentuk kata dalam bahasa Arab: اسم (ism) iaitu kata benda.

Demikianlah analisis bentuk kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang tidak mengalami perubahan bentuk kata daripada bentuk kata asalnya.

### Analisis dari Sudut Bentuk Kata; Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Minangkabau Berubah

Kata pinjaman yang tertera di bawah ini adalah merupakan kata pinjaman yang telah mengalami perubahan bentuk kata daripada bentuk kata asalnya:

#### 1. Baik بعيد

Bentuk kata **baik** dalam bahasa Minangkabau ialah kata benda, dan bentuk kata asalnya **بعيد** dalam bahasa Arab ialah اسم (ism) atau kata keterangan.

#### 2. Galat غلط

Bentuk kata **galat** dalam bahasa Minangkabau adalah berupa kata benda.

Manakala dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Arab, kata **غلط** adalah merupakan sebuah *fīl* atau kata kerja.

#### 3. Maalum معلوم

Dalam bahasa Minangkabau kata **maalum** adalah merupakan sebuah kata kerja. Walhal, dalam bahasa Arab kata **معلوم** adalah merupakan sebuah *ism* atau kata benda.

#### 4. Paham فهم

Bentuk kata **paham** dalam bahasa Minangkabau ialah kata sifat, dan bentuk kata **فهم** dalam bahasa Arab ialah اسم (ism) iaitu kata benda.

#### 5. Qarib قريب

Bentuk kata **qarib** dalam bahasa Minangkabau ialah kata benda, dan bentuk kata asalnya **قرب** dalam bahasa Arab ialah اسم (ism) iaitu kata keterangan.

#### 6. Uduak وضوء

Bentuk kata **uduak** dalam bahasa Minangkabau adalah berupa kata kerja. Manakala dalam bahasa Arab, kata **وضوء** adalah merupakan sebuah *ism* atau kata benda.

#### 7. Ueh-ueh وسوس

Dalam bahasa Minangkabau kata **ueh-ueh** adalah merupakan sebuah kata sifat. Sementara dalam bahasa asalnya **وسوس** merupakan sebuah *fīl* atau kata kerja.

Demikianlah penjelasan mengenai kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa

Minangkabau yang mengalami perubahan bentuk kata. Selanjutnya pengkaji akan beralih kepada analisis perubahan sistem bunyi daripada kata-kata pinjaman tersebut.

## KESIMPULAN

Setelah menganalisis kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau dari sudut makna dan bentuk kata. Dapat disimpulkan bahawa daripada 60 perkataan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau telah terjadi perubahan makna kata pinjaman daripada makna asalnya berupa perluasan makna, penyempitan makna, dan perubahan makna secara total. Perkataan yang mengalami perubahan adalah sebanyak 20 perkataan, iaitu:

1. *Aluo*
2. *Baha*
3. *Baik*
4. *Dalalat*
5. *Elah*
6. *Gaik*
7. *Galat*
8. *Galik*
9. *Ibarat*
10. *Kada*
11. *Lajat*
12. *Orat*
13. *Paham*
14. *Qadim*
15. *Qari*
16. *Qarib*
17. *Ueb-ueh*
18. *Wahyu*
19. *Waham*
20. *Yatim*

Manakala 40 perkataan lainnya tetap mengekalkan makna asalnya. Berkenaan dengan bentuk kata, perubahan daripada bentuk kata asal tidak banyak berlaku. Sebanyak 60 perkataan pinjaman, hanya 7

kata pinjaman yang mengalami perubahan bentuk kata daripada bahasa asalnya, iaitu *baik*, *galat*, *maalum*, *paham*, *qarib*, *uduak*, *danneh-ueh*. Manakala 53 perkataan lainnya masih lagi mengekalkan bentuk kata asalnya. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti bentuk kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau dan seterusnya menganalisis adakah kata-kata pinjaman tersebut mengalami perubahan makna dan bentuk kata daripada perkataan asalnya. Hasil daripada analisis yang telah dilakukan, didapati bahawa fenomena peminjaman bahasa juga berlaku dalam bahasa Minangkabau, sebagaimana peminjaman juga berlaku dalam semua bahasa di dunia.

Setelah menyemak satu persatu entri kata yang terdapat dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*, disimpulkan bahawa fenomena peminjaman yang wujud dalam bahasa Minangkabau diambil daripada bahasa Arab. Kenyataan ini terbukti dengan ditemukannya sebanyak 482 perkataan pinjaman daripada bahasa Arab dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*. Perkataan pinjaman yang dianalisis dalam kajian ini dibatasi sebanyak 60 entri perkataan sahaja. Perkataan-perkataan tersebut diambil dari tiap-tiap abjad yang terdapat dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*.

Setelah dilakukan analisis terhadap 60 perkataan tersebut, dijumpai bahawa meskipun kebanyakan daripada perkataan tersebut masih lagi mengekalkan makna dan bentuk kata asalnya, namun perubahan dan penyesuaian juga telah berlaku pada sebahagian kecil perkataan tersebut.

Perkataan pinjaman yang mengalami perubahan makna daripada makna asalnya dalam 60 entri perkataan tersebut ialah sebanyak 20 perkataan, manakala 40 perkataan lainnya masih lagi mengekalkan

makna asalnya. Perkataan-perkataan tersebut ialah: **aluo, baha, baik, dalalat, gaik, galat, galik, ibarat, kada, lajat, paham, qari, qarib, ueh-ueh**, dan **waham**. Perubahan makna yang berlaku pada 20 perkataan tersebut mencakupi peluasan makna, penyempitan makna, dan perubahan makna total.

Kata-kata yang mengalami penyempitan makna daripada makna asalnya ialah:

**aluo, baha, baik, dalalat, gaik, galik, ibarat, kada, lajat, qari, qarib, ueh-ueh**. Kata-kata yang mengalami peluasan makna daripada makna asalnya ialah: **paham** dan **waham**. Manakala perkataan yang mengalami perubahan total ialah **galat**.

Perkataan pinjaman yang mengalami perubahan bentuk kata daripada bentuk kata asalnya dalam 60 entri perkataan tersebut ialah sebanyak 7 perkataan, manakala 53 perkataan lainnya masih lagi mengekalkan bentuk kata asalnya. Perkataan-perkataan tersebut ialah: **baik, galat, maalum, paham, qarib, uduak, dan ueh-ueh**.

Perubahan yang berlaku pada bentuk kata pinjaman tersebut ialah:

1. kata keterangan → kata benda: **baik, qarib**
2. kata kerja → kata benda: **galat**
3. kata benda → kata kerja: **maalum, uduak**
4. kata kerja → kata sifat: **ueh-ueh**
5. kata benda → kata sifat: **paham**

Berdasarkan analisis dan praktik yang dilakukan untuk menyempurnakan kajian ini, dapat diambil beberapa kesimpulan:

- a. Proses meminjam dan dipinjam tidak dapat dielakkan untuk berlaku dalam sesetiap bahasa di dunia. Fenomena ini boleh berlaku kerana bahasa merupakan sesuatu yang dinamis.

Pernyataan ini bermaksud bahawa bahasa akan sentiasa hidup dan berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Terutamanya apabila penutur sesebuah bahasa berinteraksi dengan penutur bahasa lain, tentunya dalam perhubungan mereka akan terjadi akulterasi budaya dan bahasa.

- b. Bahasa Minangkabau tidak terkeluar daripada fenomena ini. Terbukti dengan adanya kata-kata pinjaman yang dijumpai dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Minangkabau. Kata-kata pinjaman tersebut digunakan dalam perbualan sehari-hari, yang tanpa disedari oleh masyarakat Minangkabau sendiri bahawa perkataan tersebut adalah merupakan kata pinjaman. Salah satu bahasa yang berpengaruh dalam peminjaman ini ialah bahasa Arab.
- c. Kata-kata pinjaman bahasa Arab banyak terdapat dalam kosa kata bahasa Minangkabau. Kata-kata tersebut digunakan untuk menamai suatu benda, kegiatan, sebagai kata ganti nama, dan lain sebagainya.
- d. Merujuk pada sejarah perhubungan antara bangsa Arab dan bangsa Minangkabau, dapat disimpulkan bahawa proses peminjaman tersebut berlaku kerana beberapa faktor:
  1. Faktor Perdagangan
  2. Faktor Keagamaan
  3. Faktor Pertembungan Budaya
  4. Faktor Keperluan
- e. Kata-kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau yang pengkaji temukan dalam *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia* adalah sebanyak 482 perkataan. Perkataan yang dianalisis dalam

- kajian ini hanya sebanyak 60 perkataan sahaja.
- f. Sebahagian besar daripada perkataan pinjaman tersebut masih lagi mengekalkan makna dan bentuk kata asalnya. Namun begitu, terdapat juga sebeberapa perkataan yang telah mengalami perubahan dan penyesuaian ke dalam kaidah bahasa Minangkabau.
  - g. Perkataan yang mengalami perubahan makna daripada makna asalnya adalah sebanyak 20 perkataan daripada 60 perkataan. Perubahan makna yang berlaku berupa peluasan makna, penyempitan makna, dan perubahan makna total. Manakala perkataan yang mengalami perubahan bentuk kata daripada bentuk kata asalnya adalah sebanyak 7 perkataan, 53 perkataan lainnya masih lagi mengekalkan bentuk kata asalnya

## DAFTAR PUSTAKA

- Al-Qur'an al-Karim.
- Abdul Kadir Usman Dt. Yang Diputuan. 2002. *Kamus Umum Bahasa Minangkabau-Indonesia*. Padang: Anggrek Media.
- A.A. Navis. 1986. *Alam Terkembang Jadi Guru*. Jakarta: Pustaka Grafiti Pers.
- A.A. Navis. 1999. *Yang Berjalan Sepanjang Jalan*. Jakarta: Grasindo.
- A.A. Navis. 1983. *Dialektika Minangkabau*. Padang: Genta Singgalang Pers.
- Abdul Chaer. 2003. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Chaer & Leonie Agustina. 1995. *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Gramedia.
- Abdul Halim Ibrahim. 1993. *Wali Songo: dengan Perkembangan Islam di Nusantara*. Sungai Buloh: Pustaka al-Hijaz.
- Abdullah Hassan. 1989. *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 1974. *Pertembungan Bahasa dan Kesannya terhadap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mu'in. 2004. *Analisis Kontrastif Bahasa Arab dan Bahasa Indonesia (Telaah terhadap Fonetik dan Morfologi)*. Semarang: PT. Pustaka al-Husna Baru.
- Ahmad Ibrahim. 1984. *Minangkabau Minangrantaui*. Medan: Pustaka Madjoindo.
- Ahmad Sunawari Long. 2008. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aitchison, J. 2001. *Language Change: Progress or Decay?*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-fakhuri, Hanna. 1987. *Tarikh al-Adab al-'Arabiyy*. Beirut: Dar al-Jalil.
- Al-ghalayini, Mustafa. 2000. *Jami' al-Durus al-Lughah al-'arabiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khuli, Muhammad 'Ali. 2000. *Madkhal ila 'Ilmi al-Lughah*. Jordan: Dar al-Falah li al-Nasir wa al-Tawzi'.
- Al-Mujam al-Wasit*. 2004. Cetakan ke-4. Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1998. *Al-Muz̄bir fi 'Ulum al-Lughah wa Awāfiha*. Beirut: Dar al-Ihya' al-'Arabiyyah.
- Al-Rabdawi, Mahmud. 1980. *Dirasat fi al-Lughah wa al-Adab wa al-Hadarah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zayyat, Ahmad Hassan. 1980. *Tarikh al-Adab al-'Arabiyy*. Lahore Pakistan: Dar Nashr al-Kutub al-Islamiyyah.
- Amat Juhari Moain. 1993. *Pengayaan Bahasa Melalui Proses Peminjaman dan Penyerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 1996. *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum*

- Kewarisan Islam dalam Lingkungan Adat Minangkabau.* Jakarta: Gunung Agung.
- Ampera Salim, Zulkifli. 2004. *Minangkabau dalam Catatan Sejarah yang Tercecer*. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Arnold, Thomas Walker. 1935. *The Preaching of Islam, a History of the Propagation of the Muslim Faith*. London: Luzac&Company.
- Azwar Datuak Mangiang. t.th. *Piagam Bukit Marapalam*. Pusat Penelitian Universitas Andalas. Padang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloomfield, L. 1933. *Language*. London: George Allen&Unwin. Ltd.
- Brennan, H. 1992. *Peminjaman Leksikal dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bolinger, D. 1968. *Aspects of Language*. U.S.A: Harcourt, Bruce and World. Inc.
- Bynon, Theodore. 1977. *Historical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chai Siew Ling. 2008. *Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam Dialek Kantonis*. Tesis. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Datuak Mamuhun Batuah & Datuak Bagindo Tanameh. 1950. *Hukum Adat dan Adat Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Asli.
- Datuak Sangguno Dirajo (diterjemahkan oleh Dahler Abdul Madjid dan Datuk Radjo Mangkuto). 1979. *Mustika Adat Alam Minangkabau*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Diebold. 1966. 'Incipient Bilingualism' in Hymes, D. (ed) *Language In Culture&Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. New York: Harper&Row.
- et.al, Arsal Abra. 2004. *Bahasa Minang Populer (Minang Taseba)*. Depok: PT. Rumpun Dian Nugraha-Guna Pesona.
- et.al, Be Kim Noa Hio. 1979. *Morfologi dan Sintaksis Bahasa Minangkabau*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- et.al, Irianna. 1997. *Lembaga Pendidikan Islam di Minangkabau dari Surau ke Pesantren Awal Abad XX*. Karya Ilmiah. Lembaga Penelitian Universitas Andalas. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Padang: t.tp.
- et.al, Jamil Bakar. 1979. *Kaba Minangkabau 1 dan 2*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- et.al, M. D. Mansoer. 1970. *Sedjarah Minangkabau*. Jakarta: Bhratara.
- et.al, Radford, A. 2005. *Linguistics, an Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Farrukh, Umar. 1979. *Tarikh al-Adab al-'Arabi*. Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin.
- Fromkin, V. 2003. *An Introduction to Language*. Boston: Thomson Wadsworth.
- Gerard Moussay. 1998. *Tata Bahasa Minangkabau*. Terj. Rahayu S. Hidayat. Jakarta: Gramedia.
- Gusti Anan. 2003. *Kamus Sejarah Minangkabau*. Pusat Pengkaji Islam dan Minangkabau. Padang: Gunatama.
- Halliday, M.A.K, Mc Intosh, A and Strevens, P. 1970. *The Linguistic Sciences and Language Teaching*. London: The English Book Society.
- Hamka. 1967. *Ajabku*. Jakarta: Jayamurni.
- Hamka. 2006. *Islam dan Adat Minangkabau*. Selangor: Pustaka Dini. Sdn. Bhd.
- Harimurti Kridalaksana. 1993. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Haugen, E. 1950a. *The Analysis of Linguistic Borrowing Language*. Penerbitan semula dalam *The Ecology of Language*. Jil.26. Stanford: Stanford University Press. (1972).
- Haugen, E. 1950b. *Problems in Bilingualism*. Dalam *Lingua* vol 2 (3).
- Haugen, E. 1953. *The Norwegian Language in America*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Haugen, E. 1956. *Bilingualism in The*

- Americans: A Bibliography and Research Guide.* Alabama: University of Alabama Press.
- Haugen, E. 1972. *The Ecology of Language*. California: Stanford University.
- Haugen, E. 1973. *Bilingualism, Language Contact and Immigrant Languages in The United States dalam Current Trends in Linguistics (Pngr.)* T. A. Sebeok. Jil 10. The Hague: Mouton.
- Hartman, R.K.K & Stork, F.C. 1973. *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publishers.
- Heah, C. L. H. 1989. *The Influence of English on Lexical Expansion of Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hock, Hans. Henrich. 1986. *Principles of Historical Linguistics*. New York: Mouton den Gruyter.
- Ibnu Manzur & Muhammad Ibnu Mukarram. 1994. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Idris Mansor. 2002. *Kata Pinjaman Bahasa Melayu daripada Bahasa Arab (A-M) Kajian Bandingan dari Aspek Penggunaan berdasarkan Kamus Dewan dan al-Mujam al-Wasit*. Tesis. Bangi: Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Anis. t.t. *al-Aswat al-Lughawiyah*. Mesir: Maktabah al-Nahdah.
- Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1978. *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau*. Bandung: Rosda.
- Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1978. *1000 Pepatah-Petith-Mamang-Bidal Pantun-Gurindam*. Bandung: Rosda.
- Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1978. *Pegangan Penghulu di Minangkabau*. Bandung: Rosda.
- Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1984. *Pokok-pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remaja Karya.
- Imil Badi<sup>c</sup> Ya<sup>c</sup>qub. 1994. *Fiqh Lughah al-'Arabiyyah wa Khasa'isnya*. Beirut: Dar al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Jespersen, Otto. 1922. *Language, Its Nature, Development and Origin*. London: George Allen and Unwin. Ltd.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia. 1995. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keok Choon Leong. 2000. *Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Semantik*. Tesis. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Lado, R. 1957. *Linguistics Across Cultures*. U.S.A: The University of Michigan Press.
- Lim Ser Yen. 2000. *Kata Pinjaman Dialek Hokkien dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Perubahan Bunyi dan Makna*. Tesis. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Lee Lai Foon & Raja Masittah Raja Ariffin. 2007. *Petunjuk Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. M. 1969. *Towards a Semantic Description of English*. London: Longman Group Limited.
- Leech, G. M. 1971. *Introduction to Theoretical Linguistics*. London: Cambridge University Press.
- Lehmann, W. P. 1962. *Historical Linguistics: an Introduction*. New York: Holt Rinehart and Winston.
- M. H. Bakalla. 1990. *Arabic Culture through its Language and Literature*. London: Kegan Paul Int.
- M. Rasyid Manggis. 1971. *Minangkabau Sedjarah Ringkas dan Adatnya*. Padang: Sridharma.
- Mardanas Safwan, et.al. 1980. *Sejarah Pendidikan Daerah Sumatera Barat*. Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Mc Mohon, A. 1994. *Understanding Language Change*. Cambridge: Cambridge

- University Press.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Mohd. Alwee Yusoff. 1994. *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu Satu Analisis Morfologi dan Semantik*. Tesis. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa University Malaya.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1979. *Arabic Loan-words in Malay (A Comparative Study)*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Muhammad Rajab. 1969. *Sistem Kekerabatan di Minangkabau*. Padang: Center for Minangkabau Studies.
- Nida, E. 1975. *A Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague: Mouton. Terj. Mashudi Kader. 1996. *Menerokai Struktur Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Ein Mohd. 1994. *Linguistik Sejarahwi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurdin Yakub. 1987. *Minangkabau Tanah Pusaka*. Bukittinggi: Pustaka Indonesia.
- P.E. de Josselin de Jong. 1951. *Minangkabau and Negeri Sembilan Sosio Political Structure*. Leiden: Eduard Ijdo.
- Qaddur, Ahmad Muhammad. 1999. *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Roesli. 1967. *Pelajaran Bahasa Minangkabau*. Jakarta: Bhratara.
- Sayed Alwi B.Thahir al-Haddad. 1957. *Sejarah perkembangan Islam di Timur Jauh*. Jakarta: Almaktab Addaini.
- Sapir, Edward. 1921. *Language*. New York: Harcourt, Bruce and World Inc.
- Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Republik Indonesia di Minangkabau*. 1978. Jakarta: Badan Pemurnian Sejarah Indonesia-Minangkabau.
- Sidi Ibrahim Boechari. 1981. *Pengaruh Timbal Balik antara Pendidikan Islam dan Pergerakan Nasional di Minangkabau*. Jakarta: Gunung Tiga.
- Syahri Ramadona. 2007. *Al-risalah 'anIqtirad al-Lughah al-Indunisiyyah min al-Lughah al-'Arabiyyah*. Karya Ilmiah. Padang: IAIN Imam Bonjol.
- Taufik Abdullah. 1966. *Adat and Islam, an Examination of Conflict in Minangkabau, Indonesia II*. New York: Cornell University.
- Taufik Muhammad Syahin. 1980. *'Ilmu al-Lughah al-'Am*. Kairo: Dar al-Tadamun li al-Tiba'ah.
- Van Leur, Jacob Cornelis. 1955. *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*. Van Hoeve's Gravenhage: A.Manteau W.
- Wafi, 'Abdul Wahid. 1990. *'Ilmu al-Lughah*. Kairo: Dar al-Nahdah Misr.
- Wan Ibrahim Wan Haji Mamat. 1995. *Pembentukan Kata Pinjaman dalam Bahasa Arab*. Tesis. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa. Universiti Malaya.
- Weinreich, Uriel. 1967. *Languages in Contact*. The Hague: Mouton&Co.
- Whorf, B. 1941. "Languages and Logic", *Technology Review*. Penerbitan semula dalam *Language, Thought and Reality*. Ed. Carroll, J.B.M.I.T Press (1956).
- Za'ba, Zainal Abidin bin Ahmad. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah. 2007. *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zidan, Jurji. 1988. *Al-Lughah al-'Arabiyyah Ka'in Hayy*. Beirut: Dar al-Jil.
- Zuber Usman. 1966. *Kesusasteraan Lama Indonesia*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandon